



DARIPADA SITUASI SEMENJAK TAHUN 2004-2016 SITUASI KANAK-KANAK DAN BELIA YANG TERJEJAS DARIPADA KONFLIK YANG BERLAKU DI TIGA WILAYAH SELATAN MENCECAH 544 ORANG MANGSA. 84 ORANG MATI DAN 462 ORANG LAGI CEDERA. LEBIH 5000 ORANG YATIM MENJADI MANGSA KEGANASAN YANG MANA MEREKA TIDAK ADA APA-APA KAITAN DENGAN KEGANASAN YANG BERLAKU. INI TERMASUK BELIA YANG DI TUDUH OLEH PIHAK KERAJAAN. KANAK-KANAK TERSEBUT ADALAH AHLI KELUARGA YANG BAPA MATI DALAM PERTEMPURAN. KANAK-KANAK DALAM KELUARGA YANG BAPA MEREKA HILANG DAN KANAK-KANAK DARIPADA KELUARGA YANG BAPA LARI . MUNGKIN MEREKA DI JADIKAN SUMBER PENCARIAN FAEDAH DARIPADA PIHAK TERTENTU.

IA MELAHIRKAN IMPAK BURUK TERHADAP ROHANI DAN JASMANI KANAK-KANAK DAN BELIA YANG KEHILANGAN ORANG YANG TERSAYANG. SELAIN ITU MELAHIRKAN KETAKUTAN TERHADAP MASYARAKAT. HAL INI TIDAK SELARAS DENGAN PIAGAM ANTARABANGSA BERKAITAN DENGAN HAK KANAK-KANAK KHASNYA PIAGAM HAK DALAM MENJAGA DAN MELINDUNGI KANAK-KANAK SUPAYA SELAMAT DARIPADA DICEDERAKAN. NEGARA THAILAND TELAH MEMBERI PERJANJIAN BERKENAAN DENGAN HAK KANAK-KANAK PADA TAHUN 2535/1992 KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU.

OLEH DEMIKIAN DENGAN KESUNGGUHAN DAN BERCITA-CITA DALAM MEMBINA KEDAMAIAN PUSAT FASAI JARINGAN BELIA WILAYAH YALA INGIN MELIHAT BAHAWA TIADA LAGI KANAK-KANAK DAN BELIA MENJADI MANGSA KEGANASAN. TERMASUK KANAK-KANAK DAN BELIA MESTI MENDAPAT PELAKSANAAN DENGAN ADIL DALAM MEMBINA KEDAMAIAN YANG BERKEKALAN.IA PERLU MEMBINA BENTING MENJAGA KANAK-KANAK DAN BELIA ADA RUANG KESELAMATAN DAN MESTI MENDAPAT PERLINDUNGAN DARIPADA SEMUA PIHAK.

PUSAT FASAI JARINGAN BELIA WILAYAH YALA INGIN MERAYU KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN DAN PIHAK YANG MENGGUNA SENJATA TERMASUK MASYARAKAT BAHAWA ;

KANAK-KANAK BAGAIKAN BINTANG

BERKELIP-KELIPAN CERAH

KANAK-KANAK PUNYA HATI

DIMINTA AMATI WAHAI ORANG DEWASA

HENTILAH MENGGUNA SENJATA

HENTILAH MENGGUNA SENJATA

HENTILAH PARASAAN CURIGA

HENTILAH PARASAAN CURIGA

HENTILAH KEGANASAN

HENTILAH KEGANASAN

HENTI MENCETUS SITUASI

MEMOHON RUANG KAMI BERMAIN

MEMOHON WAKTU MENJANA KREATIF

MEMOHON ORANG DEWASA JANGAN BERBALAH BANTAH

MEMOHON KEMBALIKAN KEBAHAGIAAN KAMI

TIDAK MEMINTA TERLALU BANYAK

MEMINTA KEDAMAIAN KEMBALI SEPERTI BIASA

TIDAK MEMINTA TERLALU BANYAK

MEMINTA KEDAMAIAN KEMBALI SEPERTI BIASA

PUSAT FASAI JARINGAN BELIA WILAYAH YALA

28 FEBUARI 2016